



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (40) 09/03

AMBULANS DOMESTIK BAHARU PERKASA KEBAJIKAN WARGA ATM

KUALA LUMPUR - Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan telah menyempurnakan Majlis Simbolik Penyerahan 50 Buah Ambulans Domestik Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada Panglima-panglima Perkhidmatan bertempat di Padang Kawad Kem Kementah, hari ini.

Acara simbolik penyerahan dilaksanakan dengan sesi penyerahan kunci ambulans oleh YB Menteri Pertahanan kepada Panglima-Panglima Perkhidmatan. Perolehan ini dilakukan dengan objektif untuk menaik taraf ambulans domestik di fasiliti Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera. Penggantian ini akan meningkatkan lagi keupayaan penyampaian kualiti perkhidmatan kesihatan terutamanya dalam proses pemindahan perawatan pesakit kepada seluruh warga Kementerian Pertahanan dan ATM.

Penambahbaikan ambulans domestik ini merupakan satu pelan jangka panjang Kerajaan dalam meningkatkan kesiapsiagaan ATM dengan penyediaan aset dan kelengkapan yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam Kertas Putih Pertahanan di bawah strategi Angkatan Masa Hadapan, di samping memperkasakan aspek kebajikan warga kerja pertahanan dengan penyediaan fasiliti perubatan yang terbaik. Kementerian Pertahanan sentiasa peka dengan keperluan warga ATM berdasarkan teras kebajikan yang telah digariskan bagi menjaga kebajikan warga ATM termasuk awam KEMENTAH melalui peningkatan penyampaian kualiti perkhidmatan kesihatan.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari, Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, YBhg. Dato' Sri Muez bin Abd Aziz, Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Mohammad bin Ab Rahman, Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Timbalan Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Sabri bin Zali, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera, Leftenan Jeneral Dato' (Dr) Zulkeffeli bin Mat Jusoh, Pihak Pengurusan Kementerian Pertahanan dan ATM serta warga Kementerian Pertahanan.

-TAMAT-

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Kementerian Pertahanan Malaysia
28 Mac 2023